

## Promosi Tukaran Wang

Dikemaskinikan pada 18 Januari 2019

### Tempoh Promosi

Promosi Tukaran Wang (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank (97141-X) (“HLB”) bermula pada 16 Januari 2019 sehingga 28 Februari 2019, termasuk kedua-dua tarikh ini (“Tempoh Promosi”), melainkan dinyatakan sebaliknya.

### Terma dan Syarat (“T&Cs”)

Berikut ialah terma dan syarat yang berkaitan dengan Promosi ini:

#### 1. Definisi

- 1.1 “BDCs” ialah Kaunter Pengurusan Wang di klia2, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bukit Bintang dan Kuantan

#### 2. Kelayakan dan Penyertaan

- 2.1 Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan ASTRO.
- 2.2 Penyertaan dalam Promosi ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat yang telah dinyatakan di sini.

#### 3. Mekanisma Promosi

- 3.1 Semua pelanggan ASTRO (“Pelanggan ASTRO”) secara automatik layak untuk menyertai Promosi ini di BDCs.
- 3.2 Pelanggan ASTRO akan menikmati diskaun bagi kadar tukaran mata wang Dolar Amerika Syarikat (USD), Thai Baht (THB), Rupiah (IDR), Renminbi (CNY), Dolar Singapura (SGD) dan Dolar Taiwan (TWD) bagi jumlah belian minimum sejumlah Lima Ratus Ringgit (RM500) dengan memaparkan bil ASTRO terkini di lokasi BDC. Diskaun ini adalah untuk tukaran wang daripada mata wang Ringgit Malaysia (RM) kepada mana-mana enam (6) mata wang yang dinyatakan di sini.
- 3.3 Bil ASTRO terkini yang dinyatakan diatas dalam klausa 3.2 bermaksud bil ASTRO yang bertarikh pada Disember 2018, Januari 2019 atau Februari 2019.
- 3.4 Bagi pelanggan yang namanya tidak terdapat dalam bil ASTRO, alamat yang sepadan diperlukan pada bil ASTRO dan dokumen pengenalan pelanggan (*NRIC/Passport*)

#### 4. Terma dan Syarat Umum Promosi

- 4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan ASTRO bersetuju:
- (i) bahawa mereka telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkaitan yang digariskan oleh HLB dari semasa ke semasa;
  - (ii) bahawa sebarang keputusan HLB berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan;
  - (iii) untuk melayari laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Sesawang HLB”) dari semasa ke semasa bagi mengimbas Terma dan Syarat dan peka akan perubahan pada Terma dan Syarat; dan

- (iv) sebarang cukai, kadar, caj kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Promosi ini adalah di bawah tanggungjawab Pelanggan.
- 4.2 HLB berhak untuk:
- (i) menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah Terma & Syarat ini, secara menyeluruh atau sebahagian daripadanya dengan cara meletakkannya di laman sesawang HLB, atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh HLB; dan
  - (i) mengubah Tempoh Promosi atau menggantung dan/atau membatalkan Promosi ini tanpa sebarang sebab, dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan ASTRO
- 4.3 Jikalau terdapat percanggahan pada Terma & Syarat di mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, Terma & Syarat yang terbaru di laman sesawang HLB akan diguna pakai.
- 4.4 Terma dan Syarat ini ditadbir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan ASTRO bersetuju akan bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam mengendalikan sebarang permasalahan yang berkaitan dengan Promosi ini.